



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
ASPEK FONOLOGI SUBDIALEK PATANI DI KEDAH

MUHAMMAD ANAS BIN ISMAIL

FBMK 2016 18



ASPEK FONOLOGI SUBDIALEK PATANI DI KEDAH

Oleh

MUHAMMAD ANAS BIN ISMAIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Dedikasi buat...

Ibuku Siti Abedah Abdullah dan abahku Ismail Hj. Awang Kechik yang sentiasa mendoakan, ahli keluargaku Fakhru Rizal, Fakhru Azuan, Fakhru Ashraf, Farah Wahidah, Fakhru Razi, Firdaus, Nur Syakirahdan Fairus yang selalu memberi semangat dalam menyiapkan tesis ini. Juga tidak dilupakan kepada anak-anak saudaraku, Anis, Afiqah, Amni, Farhan, Faqihah, Farhana, Alya Farihah, Alya Fasihah, Farish, Arifah dan Izzah yang sentiasa mencerikan hidupku.

Terima kasih atas jasa dan sumbangan kalian....

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

ASPEK FONOLOGI SUBDIALEK PATANI DI KEDAH

Oleh

MUHAMMAD ANAS BIN ISMAIL

Januari 2016

Pengerusi: Profesor Madya Adi Yasran Abdul Aziz, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan inventori fonem konsonan dan vokal serta beberapa aspek fonologi yang berlaku dalam dialek Patani Padang Terap (DPPT), Kedah. Data kajian diperoleh melalui kaedah kajian lapangan. Pengkaji menemu bual lima orang penduduk Kampung Padang Gelanggang, Padang Terap yang berumur lebih 50 tahun. Aspek yang diberi penelitan secara khusus dalam kajian ini ialah inventori segmen vokal dan konsonan serta rumus-rumus fonologi yang berlaku, iaitu proses perubahan dan rumus pengguguran. Semua aspek ini dikaji dan dianalisis menggunakan teori fonologi generatif (FG).

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa inventori segmen dalam DPPT adalah berbeza dengan kajian lampau. Terdapat enam segmen vokal dasar dan dua segmen vokal terbitan dalam DPPT. Segmen vokal dasar ialah [i, e, ə, a, u, o] dan dua segmen terbitan [ɛ, ɔ]. Kesemua vokal boleh hadir di posisi awal dan akhir kata dalam DPPT. Fonem konsonan pula berjumlah 16, iaitu [p, b, t, d, k, g, m, n, ŋ, ɲ, ʃ, dʒ, s, ʎ, h, l] manakala segmen konsonan terbitan pula terdiri daripada [ʔ, w, j] sama seperti bahasa Melayu. Semua konsonan boleh hadir di posisi awal kata manakala di posisi akhir kata pula kebanyakan konsonan tidak dapat hadir. Hanya tiga fonem konsonan sahaja yang wujud di akhir kata, iaitu /n, ŋ, h/, manakala fonem konsonan lain kebanyakannya direalisasikan sebagai [ʔ] ataupun digugurkan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa proses perubahan bunyi nasal di akhir kata, iaitu nasal /m/ yang mempunyai fitur [-koronal] akan direalisasikan kepada nasal yang berfitur [+koronal]. Seterusnya ialah proses pembelakangan frikatif, iaitu bunyi /s/ direalisasikan sebagai /h/ di akhir kata manakala pembentukan glotal pula merealisasikan konsonan hentian [p, t, k] sebagai [ʔ] apabila berada di posisi yang sama. Manakala rumus pengguguran yang berlaku ialah rumus pengguguran nasal-hentian tak bersuara dan rumus pengguguran hentian bersuara. Bunyi nasal yang diikuti dengan bunyi hentian tak bersuara akan digugurkan manakala hentian bersuara pula gugur apabila berada di depan bunyi nasal. Kajian ini juga mendapati bahawa deretan dua vokal sama ada /ia/, /ai/, /au/ ataupun /ua/ di posisi akhir suku kata akan dileburkan sebagai [ɛ] dan [ɔ]. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa

proses fonologi dalam DPPT berlaku kerana mematuhi rumus fonologi tertentu yang mampu dijelaskan oleh teori fonologi generatif secara berpadu.



Abstract of thesis to senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

PHONOLOGICAL ASPECTS OF SUBDIALECT PATANI IN KEDAH

By

MUHAMMAD ANAS BIN ISMAIL

January 2016

Supervisor: Associate Profesor Adi Yasran Abdul Aziz, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

This study aimed to explain the phoneme inventory of consonants and vowels and some aspects of phonology which occurred in Padang Terap Patani dialect (DPPT), Kedah. Data was collected through field work methods. The researcher interviewed five residents of Kampung Padang Gelanggang, Padang Terap who over 50 years old. Aspects of research specifically granted in this study are an inventory of vowels and consonants segments as well as phonological rules occurred, the rules of change and the rules of deletion. All these aspects are analyzed by using theory of generative phonology (FG).

The results of this study indicate that the inventory of segments in DPPT is different from the previous studies. There are six base vowel segments and two derived vowel segments in DPPT. Base vowel segments are [i, e, ə, a, u, o] and two derived vowel segments are [ɛ, ɔ]. All the vowels occur in the initial and final position of the word in DPPT. The consonant phonemes totalled 16, which is [p, b, t, d, k, g, m, n, ŋ, j, ɟ, s, ʃ, h, l] and derived consonant segments consists [ʔ, w, h] such as Malay language. All consonants occur in the initial position of the word but in final position, most of the consonants cannot be present. Only three consonant phonemes occur in the final position of the word, namely [n, ŋ, h], while the other consonant phonemes mostly are realized as [ʔ] or deleted.

The study also shows that the changing process of the nasal sound in the final position of the word, which is nasal /m/ that has feature [-coronal] will be realized to the nasal which has feature [+coronal]. There is also a backing fricative process, that is the sound /s/ is realized as /h/ in the final position of the word while glottal stop formation realized consonants stop [p, t, k] as [ʔ] in the same position. While the deletion rules occurred is deletion of nasal-voiceless stop and voiced stop. Nasal sound followed by voiceless stop, and voiced stop in front of the nasal sound will be deleted. The study also found that the sequence of two vowels either /ia/, /ai/, /au/ or /ua/ in the final position of the syllable will be fused as [ɛ] and [ɔ]. Based on these findings, its can be concluded that phonological processes in DPPT occurs to be comply with certain

phonological rules which can be explained by the theory of generative phonology adequately.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur kepada-Nya kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah selaku ahli jawatankuasa penyeliaan saya yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan teguran kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM yang banyak memberikan semangat dan tunjuk ajar bagi membolehkan saya menyiapkan tesis ini dengan baik. Juga kepada sahabat-sahabat yang banyak menolong dari segi sokongan kewangan serta memberikan nasihat, saya ucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga.

Akhir kata, semoga jasa baik yang dicurahkan oleh anda semua mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Semoga dengan siapnya penulisan ini dapat memberikan sedikit ilmu kepada pembacanya.

Sekian.
Wassalam.

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhammad Anas bin Ismail untuk menilai tesis beliau yang bertajuk 'Aspek Fonologi Subdialek Patani di Kedah' mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P. U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

Nama Pengerusi, PhD
Sapaan (Profesor/Profesor Madya/Ir; jika berkenaan)
Nama Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nama Pemeriksa 1, PhD
Sapaan (Profesor/Profesor Madya/Ir; jika berkenaan)
Nama Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa 2, PhD
Sapaan (Profesor/Profesor Madya/Ir; jika berkenaan)
Nama Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa Luar, PhD
Sapaan (Profesor/Profesor Madya/Ir; jika berkenaan)
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Nama Organisasi (Universiti/Institusi)
Negara
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD
Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi yang dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : _____

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Definisi Operasional	8
1.7 Kesimpulan	9
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Tentang Inventori Segmen Bunyi	10
2.2.1 Inventori Vokal	10
2.2.2 Inventori Konsonan	12
2.3 Kajian Tentang Dialek Kedah	14
2.4 Kajian Tentang Fonologi Dialek Melayu Patani	16
2.5 Perkaitan Antara Kajian Lepas	16
2.6 Kesimpulan	17
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	18
3.2 Kerangka Teori	19
3.3 Kerangka Konseptual	21
3.4 Kaedah Kajian	22
3.5 Bahan Kajian	23
3.6 Tempat Kajian	24
3.7 Prosedur Kajian	24
3.8 Penganalisan Data	24
3.9 Kesimpulan	24
4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	25
4.2 Inventori Segmen	25
4.2.1 Inventori Segmen Vokal	25
4.2.2 Inventori Segmen Konsonan	31

4.3	Proses Perubahan	42
4.3.1	Pengkoronalan Nasal	42
4.3.2	Pembelakangan Frikatif	45
4.3.3	Pembentukan Glotal	46
4.4	Proses Pengguguran	47
4.4.1	Pengguguran Nasal-Hentian Tak Bersuara	48
4.4.2	Pengguguran Hentian Bersuara	49
4.4.3	Peleburan Deretan Vokal	50
4.5	Rasional Teori	53
4.6	Kesimpulan	53
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	54
5.2	Rumusan	54
5.3	Cadangan	56
5.4	Kesimpulan	57
	BIBLIOGRAFI	58
	LAMPIRAN	62
	BIODATA PELAJAR	73

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Segmen Vokal DPPT	26
2 Matriks Fitur Vokal	30
3 Inventori Fonem Konsonan DPPT	32
4 Matriks Fitur Bunyi Letupan	36
5 Fitur Distingtif Bunyi Nasal	38
6 Fitur distingtif Bunyi Afrikat	39
7 Fitur distingtif Bunyi Frikatif	41
8 Fitur Distingtif Bunyi Nasal	43
9 Fitur Distingtif Bunyi Vokal	51



SENARAI PETA

Peta		Muka Surat
1	Peta Negeri Kedah Darul Aman	4
2	Peta Daerah Padang Terap, Kedah	5



SENARAI SINGKATAN

BMS	Bahasa Melayu Standard
DK	Dialek Kedah
DKP	Dialek Kedah Persisiran
DKU	Dialek Kedah Utara
DMP	Dialek Melayu Patani
DPB	Dialek Patani Baling
DPPT	Dialek Patani Padang Terap
DPS	Dialek Patani Sik
FG	Fonologi Generatif
IPA	<i>The International Phonetic Alphabet</i>
NORM	<i>Nonmobile, Old, Rural, Males</i>
SPE	<i>The Sound Pattern of English</i>
TG	Tranformasi Generatif

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Paitoon M. Chaiyanara (2005) telah memberikan perbezaan yang jelas antara Pattani dan Patani. Menurut beliau, istilah Pattani sesuai untuk merujuk kepada daerah yang populasinya berada dalam daerah Pattani sahaja manakala istilah Patani digunakan untuk merujuk kepada daerah yang meliputi kawasan penutur dialek berkenaan, sama ada di kawasan wilayah Pattani mahupun sekitarnya. Ismail Hussein (1973) membahagikan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia kepada dua golongan yang besar iaitu golongan yang tersebar dari wilayah Patani, Selatan Thai dan golongan yang tersebar dari daerah Johor. Golongan pertama terdiri daripada dialek Kelantan, Terengganu, Pedalaman Kedah dan Pedalaman Perak Utara manakala golongan kedua terdiri daripada seluruh Johor, Melaka, Selangor dan Selatan Perak. Dialek Pahang pula adalah campuran di antara dua golongan tersebut, manakala dialek Negeri Sembilan dan dialek Kedah Persisiran merupakan dialek tersendiri.

Dialek Kedah boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek, iaitu subdialek-subdialek Perlis-Pulau Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara dan Pulau Pinang. Di samping itu juga, terdapat satu jenis loghat di Kedah yang dikenal sebagai loghat Siam dan loghat Petani. Loghat ini sering dituturkan oleh masyarakat di tinggal berhampiran sempadan Thailand. Kawasan yang berkenaan ialah daerah Petani yang penduduknya adalah orang Melayu yang menuturkan bahasa Melayu yang dikenal sebagai dialek Petani (Asmah, 2008). Percampuran antara masyarakat di kedua-dua kawasan telah menghasilkan satu dialek yang dinamakan dialek Kedah Utara.

Asmah (2008) mengatakan bahawa perubahan dalam bahasa berlaku secara beransur-ansur, maka munculnya sesuatu bahasa itu juga secara beransur-ansur. Tumbuhnya itu tidak boleh tidak akan melalui peringkat yang dinamakan peringkat dialek. Peringkat dialek bukanlah peringkat yang ditandai oleh batas-batas pemisahan yang tegas dan nyata serta bukanlah peringkat yang merupakan satu keseluruhan yang seragam, tetapi terdiri dari berbagai-bagai peringkat lagi yang dinamakan subperingkat.

Di Semenanjung Malaysia, umpamanya, di samping terdapat keadaan alam semula jadi yang terdiri daripada bukit-bukau, hutan rimba dan sungai yang merupakan rintangan-rintangan kepada perhubungan antara penduduk-penduduknya, faktor politik telah membahagi-bahagikan negara ini kepada unit-unit politik yang lebih kecil, menghasilkan negeri-negeri Melayu Semenanjung seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Daripada nama-nama negeri tersebut timbullah nama dialek-dialek di Semenanjung Malaysia, seperti Dialek Perlis, Dialek Kedah, Dialek Pulau Pinang, Dialek Perak, Dialek Johor, Dialek Pahang, Dialek Terengganu dan Dialek Kelantan (Abdul Hamid Mahmood, 1985).

J. K. Chambers dan Peter Trudgill (1986) menyatakan bahawa dialek merupakan satu bentuk bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan, rata-rata dikaitkan dengan masyarakat tani. Istilah dialek lazimnya dikaitkan dengan bentuk-

bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil di dunia ini yang tidak mempunyai bentuk tulisannya.

Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kelainan sebutan antara bahasa induk dan dialek tersebut seperti faktor pengaruh kemasukan orang asing, percampuran pelbagai bangsa, kelainan agama dan sebagainya. Berdasarkan kepada keadaan dunia sekarang yang berlandaskan kepada teknologi tanpa sempadan akan menyebabkan berlakunya percampuran bahasa atau asimilasi bahasa antara dua bahasa yang berbeza. Masyarakat akan lebih menggunakan bahasa yang bersifat universal atau lebih tinggi tarafnya berbanding menggunakan dialeknya sendiri dalam berinteraksi dengan orang lain. Hal ini akan menyebabkan dialek di sesebuah kawasan itu akan menjadi terhakis malah akan menyebabkan dialek tersebut pupus.

Bahasa merupakan alat perhubungan terpenting dalam kehidupan bermasyarakat di sesuatu kawasan. Tanpa bahasa yang mantap dan mudah difahami akan menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat dan percanggahan fakta. Dalam perhubungan seharian kita tidak dapat lari daripada menggunakan bahasa. Bahasa merupakan identiti utama bagi sesebuah masyarakat. Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada penuturnya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain. Dengan ini dikatakan bahawa bahasa adalah hak milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan satu-satu individu (Asmah, 2008).

Sesuatu bahasa itu mempunyai kawasan pertuturannya yang merupakan kawasan penghunian penuturnya. Kawasan ini boleh meluas dan menyempit mengikut penyebaran bangsanya. Jika bangsa yang berkenaan menyebar dan merentas kawasan yang luas, maka luas jugalah kawasan penyebaran bahasa yang berkenaan. Sebaliknya jika bangsa pendukungnya itu lebih suka dibatasi oleh garis wilayahnya yang kecil, maka kecilah kawasan bahasanya (Asmah, 2008).

Terdapat dialek tertentu dalam sesebuah bahasa termasuklah dalam bahasa Melayu sendiri. Perbezaan antara dialek ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa faktor keadaan sosial merupakan faktor terpenting di dalam kewujudan bentuk linguistik yang berbeza itu (Ajid Che Kob, 1985). Perbezaan dalam sesuatu dialek itu bukan sahaja dapat dilihat apabila dibandingkan dengan dialek yang lain, malahan dalam satu-satu dialek pun turut terdapat perbezaan. Perbezaan ini disebabkan oleh tingkat sosial yang tidak sama, peringkat umur yang berbeza atau peringkat umur yang tidak serupa. Ajid turut mengatakan bahawa dialek merupakan satu bentuk percakapan yang berupa tempatan yang terhad kepada kawasan-kawasan tertentu.

James T. Collins (1996) pula telah membuat perbandingan di antara andaian yang telah dibuat oleh Ismail (1973) dan Asmah (1977). Ismail menerangkan dialek Kedah sebagai dialek pesisiran dan kepulauan, manakala Asmah pula menggambarkan wilayah dialek tersebut berdasarkan sempadan tiga negeri, iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang serta garis lurus di Perak Utara. Namun, tulisan Asmah pada tahun (1985, 186-187) telah membetulkan pembahagian wilayah dialek Kedah. Pertama, daerah-daerah yang sebenarnya berdialek Patani iaitu Padang Terap, Sik dan Baling seakan-akan dibezakan dari dialek Kedah. Kedua, Beliau mencatatkan bahawa dialek Melayu di Setul (Setol), Negeri Thai, sama dengan dialek Kedah. Namun demikian, menurut

Collins lagi, penggunaan dialek Kedah di sepanjang persisiran Perak hingga sekitar Pulau Pangkor tidak disebut oleh Asmah.

Fishman (1991) pula berkata,


'Along with the accompanying loss of culture, language loss can destroy a sense of self-worth, limiting human potential and complicating efforts to solve other problems, such as poverty, family breakdown, school failure, and substance abuse'

Fishman (1991) menjelaskan bahawa kehilangan bahasa boleh merosakkan rasa harga diri, menghadkan potensi manusia dan merumitkan usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah lain, seperti kemiskinan, kerosakan keluarga, kegagalan dalam pelajaran, dan penyalahgunaan dadah.


1.1.2 Latar Belakang Daerah Padang Terap

Daerah Padang Terap merupakan daerah yang ketiga terbesar di negeri Kedah. Ia bersempadan dengan negara Thailand di utara dan di sebelah barat bersempadan dengan Daerah Sik dan Pendang serta Kubang Pasu dan Pokok Sena. Padang Terap mempunyai keluasan keseluruhan iaitu sebanyak 1,357 km persegi dan mewakili 14.39% keluasan negeri Kedah (lihat Peta 1 dan 2).

Padang Terap mendapat nama daripada sejenis pokok terap yang banyak terdapat di kawasan padang atau di tepi-tepi padang. Kawasan Padang Terap ialah kawasan yang di tumbuhinya sejenis pokok yang tahan kemarau dan bergetah di panggil Pokok Terap (*Artocarpus Elasticus*). Oleh itu, nama Padang Terap berasal dari pokok ini. Kedudukan topografi di Padang Terap berbukit-bukau di kawasan utara dan timur serta tanah pamah yang sederhana tinggi di bahagian barat dan selatan.



Peta 1: Peta Negeri Kedah Darul Aman
(dimuat turun daripada laman web Majlis Daerah Padang Terap pada 15 Mac 2015)



Peta 2: Peta Daerah Padang Terap, Kedah
 (dimuat turun daripada laman web Majlis Daerah Padang Terap pada 15 Mac 2015)

1.2 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji berkenaan dialek Patani dan dialek Kedah Persisiran (DKP). Kajian yang dilakukan oleh Asmah (1985) tentang aspek fonologi dalam DKP dan dialek Patani Sik (DPS) dan dialek Patani Baling (DPB) lebih menumpukan kepada unsur leksikal. Huraianannya lebih kepada sistem sebutan yang merangkumi huruf-huruf vokal dan konsonan dalam DKP dan DPS/DPB. Beliau meneliti segala bentuk bunyi dalam dialek Patani di dua daerah iaitu daerah Baling dan Sik. Namun begitu, kajian mengenai fonologi terutamanya di daerah Padang Terap, Kedah masih kurang dilakukannya. Subdialek Patani merupakan salah satu daripada dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia. Walaupun wilayah Patani atau Selatan Thailand terletak di negara Thailand, namun dialek tersebut tetap dianggap sebagai sebahagian daripada rumpun Melayu.

Dari sudut inventori fonem vokal, Asmah (2008) menyatakan bahawa terdapat lapan vokal dalam dialek Patani Sik dan dialek Patani Baling. Dialek-dialek ini mempunyai persamaan dengan subdialek Patani di Padang Terap. Manakala M. Yunus Maris (1980) dan Paitoon M. Chaiyanara (2006) pula menyatakan kebanyakan dialek-dialek Melayu mempunyai enam huruf vokal. Perbezaan ini berlaku kerana Asmah memasukkan bunyi ẽ (ϵ) dan ɔ dalam inventori vokalnya manakala M. Yunus Maris (1980) dan Paitoon (2006) tidak menyenaraikan kedua-dua bunyi vokal tersebut. Selain itu, Ruslan Uthai (2011) pula menyatakan bahawa jumlah fonem vokal di daerah Patani ialah 12 fonem, iaitu i , e , ɛ , ẽ , ɔ , a , ã , u , ũ , o , ɔ dan õ . Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak memenuhi kriteria ekonomi kerana jumlahnya yang banyak. Jadi satu kajian yang tuntas haruslah dilakukan bagi mengenal pasti jumlah sebenar fonem vokal yang terdapat dalam dialek ini dengan mengambil kira kriteria lain juga.

Dari segi inventori konsonan pula, Asmah (2008) menjelaskan bahawa terdapat 20 konsonan dalam dialek Kedah. Manakala Ruslan Uthai (2011) pula menyatakan bahawa terdapat antara 26 hingga 30 fonem konsonan dalam Dialek Melayu Patani (DMP) yang dibahagikan kepada 10 variasi yang daripada wilayah Naratiwat, Songkla, Patani dan Yala. Namun tiada kajian khusus mengenai dialek Patani di Padang Terap yang menyatakan berkenaan jumlah sebenar fonem konsonan. Jadi kajian ini akan menjelaskan mengenai jumlah inventori konsonan dalam dialek Patani di Padang Terap (DPPT), Kedah.

Masyarakat di daerah Padang Terap mempunyai sistem bunyi bahasa yang berbeza dengan sistem bunyi bahasa Melayu baku. Walaupun subdialek Patani terutamanya di daerah Padang Terap merupakan subdialek dalam bahasa Melayu namun aspek sebutan antara kedua-duanya berbeza kerana penggunaan rumus fonologi yang berbeza. Menurut Newton (1972), oleh sebab dialek-dialek itu terbit atau lahir daripada satu bahasa yang sama, maka adalah munasabah diandaikan bahawa dialek-dialek tersebut mempunyai bentuk dalaman yang sama.

Dalam meneliti aspek fonologi DPPT ini, pengkaji telah melihat beberapa proses fonologi yang berlaku antaranya ialah proses penambahan rumus dan penghilangan rumus. Proses penambahan rumus adalah apabila bunyi berubah dan melibatkan satu inovasi (Lehman, 1973). Sesuatu dialek itu berbeza apabila ada pertambahan satu atau lebih rumus dalam nahunya. Pertambahan rumus menggambarkan perkembangan terbaru yang berlaku dalam sesuatu dialek hasil daripada peredaran masa yang

mendorong dialek tersebut menyimpang daripada bentuk bahasa asalnya (Zaharani, 2006). Proses penambahan rumus turut berlaku dalam DPPT. DPPT didapati telah mengubah bunyi frikatif /s/ menjadi [h] di akhir kata. Kajian ini akan mengkaji berkenaan aspek penambahan rumus yang berlaku dalam DPPT. Terdapat tiga proses penambahan rumus fonologi yang berlaku dalam DPPT iaitu proses perubahan, pengguguran dan penyisipan. Rumus-rumus ini dinamakan sebagai rumus perubahan, rumus pengguguran dan rumus penyisipan.

Setakat ini, masih kurang lagi kajian ilmiah yang mengkaji secara khusus berkenaan aspek fonologi dalam dialek Patani Padang Terap. Kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan kepada dialek Patani di daerah Sik dan Baling seperti dalam kajian Asmah (2008). Manakala kajian yang dilakukan oleh Zulkifley dan Pareeda (2015) yang dijalankan di Daerah Mayo, Pattani, Thailand pula menggunakan Teori Autosegmental. Selain itu, Ahmad Nawawi (2007) pula lebih kepada kajian untuk mengumpulkan senarai perkataan dalam dialek Padang Terap. Oleh itu, kajian ini wajar untuk dijalankan bagi mengisi kelompangan yang ditinggalkan serta mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan aspek fonologi DPPT di Kedah.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas subdialek Patani yang dituturkan oleh penutur asli Kampung Padang Gelanggang, Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah atau lebih dikenali sebagai dialek Patani Padang Terap (DPPT). Kajian ini dijalankan berpandukan kepada beberapa objektif tertentu. Objektif yang digariskan dalam kajian ini ialah seperti berikut:

- i. Mengetahui inventori fonem vokal dan konsonan dalam DPPT.
- ii. Menganalisis proses perubahan bunyi yang berlaku dalam DPPT.
- iii. Menjelaskan rumus pengguguran yang terdapat dalam DPPT.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai aspek fonologi DPPT ini amat penting terutamanya kepada guru-guru atau kakitangan awam dan swasta yang ditugaskan di kawasan tersebut supaya mereka tahu untuk bertutur dialek di situ. Pengetahuan ini penting bagi memudahkan mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat setempat seterusnya mengelakkan timbul sebarang masalah dalam pekerjaan yang dilaksanakan. Bagi guru-guru pula, menguasai bahasa atau dialek setempat akan memudahkan komunikasi dan hubungan antara guru dan pelajar serta ibu bapa pelajar itu sendiri. Hal ini penting kerana kebanyakan pelajar luar bandar lebih gemar menggunakan dialek mereka sendiri semasa di sekolah berbanding menggunakan bahasa Melayu standard. Maka penguasaan dialek setempat sangat digalakkan kepada guru-guru bagi mewujudkan kemesraan semasa berinteraksi dengan pelajar.

Seterusnya kajian ini penting kepada masyarakat penutur asli itu sendiri kerana kebanyakan mereka tahu untuk bertutur tetapi tidak tahu apakah proses yang berlaku itu. Jadi kajian seperti ini akan memudahkan lagi pemahaman mereka berkenaan sistem bunyi dalam dialek mereka sendiri. Malahan kajian ini juga amat berguna kepada generasi muda di kawasan tersebut untuk mempelajari dengan lebih sistematik

berkaitan dialek mereka. Kebanyakan golongan muda di kawasan tersebut sudah kurang untuk menggunakan dialek ini dalam pertuturan seharian kerana mereka sudah banyak dipengaruhi oleh bahasa atau dialek luar kawasan.

Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai pelengkap kepada kajian-kajian lepas serta perintis kepada kajian-kajian yang akan datang. Para ahli bahasa mahupun pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan dialek ini bolehlah menjadikan kajian ini sebagai panduan dan sorotan kepada kajian mereka. Perkara ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka mendapatkan data dan analisis yang lengkap dan berkesan.

Jadi, kepupusan sesuatu bahasa amat merugikan negara khususnya dan masyarakat amnya. Kepupusan bahasa akan menyebabkan hilangnya satu khazanah yang sangat berharga kerana bahasa merupakan antara perkara utama yang wujud dalam kemunculan sesebuah kawasan penempatan. Tanpa satu bahasa yang mudah difahami oleh semua anggota masyarakat akan menyebabkan masyarakat sukar untuk berinteraksi antara satu sama lain.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengenal pasti inventori vokal dan konsonan serta proses fonologi sahaja. Dialek yang dikaji ialah dialek yang dituturkan oleh masyarakat di sekitar Kampung Padang Gelanggang yang terletak di Kuala Nerang, Kedah. Dialek ini merupakan sebahagian daripada DKU kerana kawasan penuturnya terletak di utara negeri Kedah dan bercampur dengan dialek di daerah Patani di Thailand. Bahasa yang digunakan dalam kajian ini ialah bahasa Melayu kerana masyarakat di sini juga turut menggunakan bahasa yang sama. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengumpulkan sebanyak 319 patah perkataan yang dituturkan dalam DPPT oleh penutur di kawasan tersebut. Kajian ini hanya mengkaji berkenaan inventori fonem serta aspek fonologi yang merangkumi aspek perubahan dan pengguguran sahaja.

1.6 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang dilihat mempunyai maksud yang luas dan boleh mengelirukan. Oleh itu, definisi operasional ini akan menjelaskan pendirian kajian ini terhadap beberapa istilah tersebut, iaitu aspek fonologi, fonem, segmen dan dialek Patani.

1.6.1 Aspek fonologi

Aspek fonologi bermaksud proses-proses yang berlaku dalam sesuatu bahasa atau dialek yang menyebabkan bahasa atau dialek tersebut berbeza dengan yang lain. Proses ini juga akan menghasilkan rumus-rumus tertentu yang menentukan bunyi sebutan bagi bahasa atau dialek tersebut. Fonologi secara umumnya mengkaji bunyi-bunyi yang dihasilkan dalam sesuatu bahasa atau dialek yang berlaku secara semula jadi berdasarkan ciri-ciri tertentu. Dalam menganalisis aspek fonologi DPPT ini, beberapa istilah penting yang telah digunakan, iaitu fonem dan segmen. Kedua-dua istilah ini berbeza dari segi maksud dan penggunaannya. Fonem ialah bentuk dalaman bagi sesuatu segmen terbitan. Inventori fonem terbahagi kepada dua, iaitu inventori vokal

dan konsonan. Manakala segmen pula merupakan bentuk luaran yang direalisasikan daripada bentuk dalaman. Begitu juga dengan inventori segmen bunyi terbitan yang boleh dibahagikan kepada vokal dan konsonan.

1.6.2 Subdialek Patani

Subdialek ialah pecahan daripada dialek utama yang dituturkan di kawasan-kawasan tertentu. Dalam kajian ini, dialek digunakan bagi merujuk kepada DPPT. Hal ini bagi meneruskan istilah sedia ada yang digunakan oleh pengkaji lalu seperti Asmah (2008) yang menggunakan istilah dialek contohnya dialek Patani Sik dan dialek Patani Baling. Dialek-dialek di sesebuah kawasan berbeza cara sebutannya berbanding dialek di kawasan lain. Subdialek Patani merangkumi dialek yang digunakan oleh masyarakat di selatan Thailand seperti Patani, Yala, Narathiwat serta kawasan-kawasan yang bersempadan dengan negara Thailand seperti Padang Terap, Baling dan Sik. Dialek ini mempunyai persamaan dari segi sebutan dengan dialek Patani.

1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menggariskan berkenaan dengan pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dinyatakan dalam (1.2), permasalahan dalam kajian ini dapat dijelaskan melalui objektif yang telah dinyatakan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. (2005) (a). *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. (2005) (b). *Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula*. Jurnal Pengajian Melayu: Jilid 16. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (1994). *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Ahmad Nawawi Yaakob. (2007). *Dialek Padang Terap: Makin Terhakis Makin Terpupus*. Prosiding Seminar Antarabangsa linguistik dan Kebudayaan Bahasa Melayu Ke-3. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 5. Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob. (1977). *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*. Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1978). *Kedah: Aspek Kebudayaan Seperti yang Terdapat dalam Sejarah dan Bahasa*. Dewan Bahasa Jil. 22, Bilangan 3, hlm. 146-155, Mac 1978.
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (1995). *Rekontraksi fonologi bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blust. R.A. (1982). *Satu Ciri Fonologi Sejarah Bahasa Melayu yang Diabaikan*. Dewan Bahasa Jil. 25, Bilangan 3, hlm. 152-175, Mac 1982.

- Chambers, J.K & Trudgill. P. (1980). *Dialectology*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Chomsky, N. & Halle, M. 1968. *The sound pattern of English*. New York: Harper & Row.
- Collins, J. T. (1976). *Vokal Sengau di dalam Bahasa Melayu Kedah. (Langkawi)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 20 (1):19-31.
- Collins, J. T. (1982). *Sistem Ideofon Bahasa Melayu Kedah*. Dewan Bahasa Jil. 26, Bilangan 4, hlm. 233-261, April 1982.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Farid M. Onn. (1980). *Perubahan Bahasa dan Kajian Dialek: Suatu Pendekatan Tataahasa Generatif*. Dewan Bahasa Jil. 24, Bilangan 8, hlm. 4-12.
- Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay Phonology and Morphology*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farid M. Onn et.al. (1987). *Penukaran Kod dan refleksi sosial dalam masyarakat Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn. (1988). *Bunga Rampai fonologi bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Farid M. Onn dan Ajib Che Kob (eds). (1993). *Simponim Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon, Inglaterra: Multilingual Matters.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta. Universiti Indonesia.
- Ida Ahmad, Dra. (1969). *Fonologi Bahasa Kedah*. Dewan Bahasa Jil. 8, Bilangan 12, hlm. 531-537.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- John Lyons. (1992). *Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hyman, Larry M. (1975). *Phonology Theory and Analysis*. University of Southern California.
- Ida Ahmad. (1969). *Fonologi Bahasa Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1973. The Malay dialects in the Malay Peninsular. *Nusantara* 3. Hlm. 69-79.
- M. Yunus Maris. (1980). *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Madzhi Johari. (1988). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Newton, Brian. (1972). The generative interpretation of dialect; a study of Modern Greek phonology. vol. 8: Cambridge studies in linguistics. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin et. al. (2011). *Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Semantik Kognitif*. *Jurnal Linguistik* Jil. 12, Mac 2011: Edisi Khas. Kuala Lumpur.
- Nor Hisham Osman. (1995). *Kajian Sistem Bunyi Bahasa Tanjong*. dlm Dewan Bahasa Jil. 39, Bilangan 11, hlm. 964-971.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2006). *Transmorfofonologisasi suprafiks: dialek Patani merentasi zaman*. *Jurnal Bahasa* 5(1): 51-67. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, Michael Quinn. (2002). *Qualitative Research and Evolution Methods*. 3 edition. London: Sage Publications.
- Portal rasmi Majlis Daerah Padang Terap. 2015. <http://www.mdptk.gov.my/>. Diakses pada 15 Mac 2015.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanford A. Schane (penterjemah Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin). (1992). *Fonologi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- S. Nathesan. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Spencer, A. (1996). *Phnology: Theory and description*. Oxford: Blackwell.
- Teoh Boon Seong & Yeoh Chiang Kee. (1988). *Fonem Vokal Nasal dalam Dialek Kelantan*. Dlm. Farid M. Onn (pnyt). *Bunga Rampai Fonologi Bahasa Melayu*, hlm. 91-98. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Teoh Boon Seong. (1989). *Sistem Vokal Bahasa Melayu Satu Pemerian Autosegmental*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Walter. W.A. (1969). *A Sociolinguistic Description of Detroit Negro Speech*. Washington, D.C.. Center for Applied Linguistics.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Siri Monograf Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1989). *Dialektologi Generatif dan Kepelbagaian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of The Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1996). *Teori optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 40 (6):512-527.
- Zaharani Ahmad. (2000). *Pemanjangan dan penyisipan vokal dalam bahasa Melayu: Suatu analisis autosagmental*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi Autosegmental: Penerapan Pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid et, al. (2006). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid & Pareeda Hayeeteh. (2015). *Melayu di Sempadan: Penghilangan Konsonan Obstruent-Homorganik dalam Dialek Melayu Patani*. Jurnal Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space 11 Issue 3.